

HAIWAN DAN TERNAKAN DALAM QURAN: STATISTIK DAN OBJEKTIF PENYEBUTAN

ANIMALS AND LIVESTOCK IN THE QURAN: STATISTICS AND OBJECTIVES OF
MENTION

Adnan Mohamed Yusoff

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800,

Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: adnan@usim.edu.my

Abdoul Karim Toure

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800,

Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

E-mail: karim.toure@usim.edu.my

ABSTRAK

Haiwan dan ternakan adalah sebahagian dari fenomena utama Quran yang menyerlahkan keakrabannya dengan alam dan kehidupan manusia. Nama, jenis, sifat, kisah atau hal ehwal berkaitan haiwan dan binatang ternakan muncul secara spesifik, saintifik dan strategik dalam Quran. Fenomena ini menarik perhatian pengkaji untuk mengamati trend kemunculan ini dari sudut statistik merangkumi jenis haiwan, kekerapan dan tempat kemunculan, serta objektif penyebutannya sama ada dalam bentuk hakiki mahupun metafora. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti nama atau jenis haiwan yang terpilih untuk diabadikan di dalam Kitab Suci ini, kekerapan dan kondisi kemunculan, seterusnya objektif penyebutannya dalam ayat atau surah berkenaan. Ia sangat penting sebagai data asas yang akan membuka jalan kepada kajian lebih terkehadapan dalam menyerlahkan keagungan serta kemukjizatan Quran dalam berbagai dimensi berkaitan sumber alam ini. Ia merupakan sebuah kajian kepustakaan yang berasaskan penelitian terhadap teks berkenaan terutama kitab-kitab tafsir muktabar, kajian tafsir kontemporari, Ulum Quran, jurnal ilmiah dan lain-lain yang berkaitan. Antara dapatan penting kajian ialah bahawa haiwan dan binatang ternakan bukanlah suatu unsur sampingan yang datang untuk melengkapkan keindahan ungkapan kata atau metafora Quran, atau kerangka reka bentuk fizikal penyusunannya semata-mata, malah kehadiran setiap satu daripada haiwan atau ternakan ini adalah bagi membawa misi dan objektif tertentu yang tidak boleh dimainkan oleh komponen lain di dalamnya. Kajian ini juga membuka jalan kepada berbagai kajian lanjut yang boleh diterokai oleh para pengkaji yang berminat, juga dalam aktiviti *tadabbur* yang berjaya menarik minat masyarakat dewasa ini untuk mendekati diri kepada Quran.

Kata kunci: *haiwan, ternakan, Quran, statistik, objektif.*

ABSTRACT

Animals and livestock are part of the main phenomenon of the Quran which highlights its intimacy with nature and human life. Names, types, properties, stories or matters that are related to animals and livestock appear specifically, scientifically and strategically in the Quran. This phenomenon attracts researchers to observe this emerging trend from a statistical point of view including the type of animal, frequency and place of emergence, as well as the objective of its mention either in actual form or as a metaphor. Thus, this study aims to identify the name or type of animal that has been selected to be immortalised in this Holy Book, the frequency and condition of its appearance, and subsequently the objective of its mention in the verse or *surah*. This is very important as basic data which will pave the way to a more advanced study in highlighting the majesty and miracles of the Quran in various dimensions that are related to natural resources. Correspondingly, this is a library study that is based on research on the text, especially the books of authentic interpretation, contemporary *tafsir* studies, the Uloom Quran, scientific journals, and other related texts. Among the important findings of the study is that animals and livestock are not a side element that comes to complete the beauty of the Quranic word or metaphor, or the physical design framework of its arrangement alone, for the presence of each of these animals or livestock is to carry the mission and certain objectives that cannot be played by other components in it. This study also paves the way for various further studies that can be explored by interested researchers, as well as in *tadabbur* activities that successfully attract the interest of today's society to get closer to the Quran.

Keywords: animals, livestock, Quran, statistics, objectives.

1. PENDAHULUAN

Bagi pembaca atau pengkaji Quran, kemunculan subjek haiwan di dalam ayat atau surahnya merupakan satu fenomena biasa dalam Quran. Bahkan lebih dari itu terdapat tujuh daripada jumlah besar seratus empat belas surahnya, diberi nama bersempena nama haiwan berkenaan yang muncul di dalam teks ayat-ayatnya. Kemunculan mereka membawa pelbagai maksud tersurat dan tersirat, menjadi bukti tentang keakraban Kitab Suci ini dengan alam semesta yang melingkari kehidupan manusiawi, dan kerelevanannya dengan selok belok kehidupan manusiawi. Ia secara langsung menjadi bukti bahawa Islam adalah agama yang mengajak umatnya untuk hidup dalam alam realiti, selari dengan fungsi mereka sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi. Ia bukanlah sebuah agama yang memisahkan umatnya dari hakikat kehidupan sebenar atau menyeru mereka supaya mengejar kejayaan ukhrawi di rumah-rumah ibadat semata-mata, dengan meninggalkan urusan duniawi kepada orang lain yang tiada hubungan dengan kehidupan beragama. Firman Allah SWT:

﴿ثُمَّ قَفَّيْنَا عَلَىٰ آثَارِهِم بِرُسُلِنَا وَقَفَّيْنَا بِعِيسَىٰ ابْنِ مَرْيَمَ وَءَاتَيْنَاهُ الْإِنجِيلَ وَجَعَلْنَا فِي قُلُوبِ الَّذِينَ اتَّبَعُوهُ رَأْفَةً وَرَحْمَةً وَرَهْبَانِيَّةً ابْتَدَعُوهَا مَا كَتَبْنَاهَا عَلَيْهِمْ إِلَّا ابْتِغَاءَ رِضْوَانِ اللَّهِ فَمَا رَعَوْهَا حَقَّ رِعَايَتِهَا فَآتَيْنَا الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْهُمْ أَجْرَهُمْ وَكَثِيرٌ مِنْهُمْ فَاسِقُونَ﴾

Maksudnya: Kemudian Kami iringi sesudah mereka rasul-rasul Kami silih berganti, dan Kami iringi lagi dengan Nabi Isa Ibni Maryam, serta Kami berikan kepadanya Kitab Injil, dan Kami jadikan dalam hati orang-orang yang mengikutnya perasaan belas kasihan (sesama sendiri). Dan (perbuatan mereka beribadat secara “Rahbaniyah” - merekalah sahaja yang mengadakan dan merekanya; Kami tidak mewajibkannya atas mereka; (mereka berbuat demikian) kerana mencari keredhaan Allah; dalam pada itu mereka tidak menjaga dan memeliharanya menurut yang sewajibnya. Oleh itu, orang-orang yang beriman (kepada Nabi Muhammad) di antara mereka, Kami berikan pahalanya, dan (sebaliknya) banyak di antara mereka yang fasik – derhaka (Surah al-Hadid 57: 27).

Menurut para mufasir, ‘Rahbaniyyah’ yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah perbuatan kaum Nasrani yang memutuskan hubungan dengan manusia seterusnya mengasingkan diri mereka dalam rumah-rumah ibadat di pedalaman, pergunungan atau lain-lain tempat yang jauh dari kehidupan manusia, serta mencegah diri mereka dari menikmati makan minum yang lazat, begitu juga dengan pernikahan.¹ Perkara ini mereka lakukan kerana tidak sanggup menunaikan tanggungjawab mencegah kemungkarannya yang dilakukan oleh para pembesar mereka, seterusnya menyeru masyarakat untuk kembali menjadikan ajaran agama sebagai pegangan dan amalan hidup.²

Justeru, sebagai makhluk yang dipilih untuk menjadi khalifah Allah SWT di muka bumi, yang antara lainnya adalah untuk menjaga serta memulihara kelestarian alam, selain dari mengambil manfaat daripadanya untuk kesejahteraan hidup, maka kehadiran ayat-ayat ini dalam Kitab Suci al-Quran sangat penting bagi memberikan panduan kepada setiap muslim dalam sebahagian dari unsur utama pengurusan sumber alam, iaitu sumber haiwan. Firman Allah SWT:

﴿هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا﴾

Maksudnya: Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya (Surah Hud 11: 61).

Pengertian ‘memakmurkan’ dalam ayat ini pada pandangan para mufasir adalah membawa maksud bahawa Allah SWT menjadikan umat manusia sebagai makhluk yang bertanggungjawab untuk menyejahterakan muka bumi ini dengan pelbagai usaha pembangunan

¹ Lihat: al-Mahalliyy, Muhammad bin Ahmad & al-Suyutiyy, Abd al-Rahman bin Abu Bakr. T.th. *Tafsir al-Jalalayn*. Kaherah: Dar al-Hadith. Hlm. 724; al-Zuhayliyy, Wahbah Mustafa. 14148H. *al-Tafsir al-Munir Fi al-Aqidah Wa al-Shari'ah Wa al-Manhaj*. Damsyiq: Dar al-Fkir al-Mu'asir. Jld. 27. Hlm. 335 & 338.

² Lihat: al-Qurtubiyy, Muhammad bin Ahmad. 1384H/1964. *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*. Tah. Al-Barduniyy, Ahmad & Atfaysh, Ibrahim. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah. Jld. 17. Hlm. 263; Ibn Kathir, Isma'il bin 'Umar. 1420H/1999. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Tah. Salamah, Sami bin Muhammad. T.tp.: Dar Taybah Li al-Nashr Wa al-Tawzi'. Jld. 8. Hlm. 30.

dan pemajuan. Mereka diberi keizinan bahkan diperintahkan untuk memelihara dan memulihara kelestariannya dengan mengambil manfaat dari kesuburan sumber semulajadinya menerusi aktiviti pertanian, pembuatan dan perlombongan, serta menambah baik kekurangan yang ada di sesuatu tempat supaya menjadi lebih produktif menerusi manipulasi sumber dari tempat lain atau uji kaji yang dilakukan dengan kebijaksanaan akal yang dikurniakan, seterusnya membina binaan-binaan bagi memenuhi keperluan semua aspek kehidupan mereka.³

Sehubungan itu, kajian ini merupakan satu upaya untuk membuka minda para pembaca dan pengkaji dalam menilai semula atau membuka dimensi baharu dalam aspek pengurusan sumber haiwan atau ternakan menurut perspektif Quran. Ia menarik perhatian semua kepada persoalan fundamental dalam isu ini melalui objektif utama kajian iaitu: mengenal pasti nama atau jenis haiwan yang terpilih untuk diabadikan di dalam Quran, kekerapan dan kondisi kemunculan, seterusnya objektif penyebutannya dalam ayat atau surah berkenaan. Kajian ini sangat penting bagi menyediakan data asas yang akan membuka jalan kepada kajian lebih terkehadapan dalam membina perspektif, meneroka potensi, menyingkap hikmah dan hikmat tersirat di sebalik penyebutan haiwan serta binatang ternakan terpilih ini dari berbagai dimensi atau seumpamanya. Ia merupakan sebuah kajian kepustakaan yang berasaskan penelitian terhadap teks berkenaan, terutama kitab-kitab tafsir muktabar, kajian tafsir kontemporari, kajian Ulum Quran, jurnal ilmiah dan lain-lain yang berkaitan.

2. PERHATIAN QURAN TERHADAP HAIWAN

Kewujudan nama-nama haiwan yang membawa pelbagai kisah, peristiwa atau tamsilan kepada para pembacanya telah menjadi suatu fenomena dalam Kitab Suci al-Quran. Justeru, dikemukakan beberapa data statistik mengenai haiwan di dalam Quran, seperti nama-nama haiwan yang terdapat di dalam Quran, kekerapan dalam kemunculannya serta nama surah dan nombor ayat di mana ianya berada. Ianya dapat diringkaskan dalam jadual berikut:⁴

Bil.	Nama Haiwan	Maksud	Kekerapan	Surah/Ayat
1.	<i>Al-Ibil</i>	Unta	2	Al-An'am, ayat: 44 & al-Ghashiyah, ayat: 17.
2.	<i>Al-Naqah/Naqah</i>	Unta betina	7	Al-A'raf, ayat: 73, 77; Hud, ayat: 64; al-Isra', ayat: 59; al-Shu'ara', ayat: 155; al-Qamar, ayat: 27 & al-Shams, ayat: 13.

³ Lihat: al-Zuhayliyy. *al-Tafsir al-Munir* Jld. 12. Hlm. 99; al-Sha'rawiyy, Muhammad Mutawalli. 1997. *Tafsir al-Sha'rawiyy*. T.tp.: Matabi' Akhbar al-Yawm. Jld. 11. Hlm. 6530; Abu Zuhrah, Muhammad bin Ahmad. T. th. *Zahrat al-Tafasir*. T.tp.: Dar al-Fikr al-Arabiyy. Jld. 7. Hlm. 3723.

⁴ Lihat: 'Ulaiwiyy, 'Umar. *Asma' al-Hayawan fi al-Qur'an Dirasah Dalaliyyah wa Mu'jam*. Algeria. Kementerian Pendidikan Tinggi dan Penyelidikan Sainifik. Universiti Farhat 'Abbas. Disertasi Sarjana Fakulti Kesusasteraan dan Bahasa, Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab. Sesi 2011/2012. Hlm. 45-46; al-Najjar, Zaghoul Raghieb. 1427H/2006. *Al-Hayawan fi al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. Hlm. 35-36.

3.	<i>Al-Bahirah</i>	Unta betina yang telah beranak lima kali dan pada kali yang kelima itu ia melahirkan anak jantan, maka unta yang tersebut dibelah telinganya dan dilepaskan bebas tidak boleh diganggu. Perbuatan semacam ini telah menjadi kebiasaan orang-orang Arab Jahiliyah dahulu. ⁵	1	Al-Maidah, ayat: 103.
4.	<i>Al-Sa'ibah</i>	Unta betina yang dibiarkan lepas bebas kerana dinazarkan untuk berhala mereka. ⁶	1	Al-Maidah, ayat: 103.
5.	<i>Al-Wasilah</i>	Kambing betina yang beranak kembar dua anak betina berturut-turut sebanyak enam kali, dan pada kali yang ketujuh ia beranak kembar dua: jantan dan betina; maka anak yang betina itu dinamakan "wasilah" lalu dibiarkan tidak diganggu; dan kambing jantan yang seperut dengannya tidak disembelih untuk berhala mereka. ⁷	1	Al-Maidah, ayat: 103.
6.	<i>Al-Damir</i>	Unta yang kurus	1	Al-Hajj, ayat: 27.
7.	<i>Al-Jamal</i>	Unta	1	Al-A'raf, ayat: 40.
8.	<i>Al-Ham</i>	Unta jantan yang telah membuntingkan unta betina sebanyak sepuluh kali, ia dibiarkan lepas bebas dan tidak diganggu. ⁸	1	Al-Maidah, ayat: 103.
9.	<i>Baqarah/baqarat/al-baqar</i>	Lembu betina	9	Al-Baqarah, ayat: 67, 68, 69, 70, 71; Yusuf, ayat: 43, 46 & al-An'am, ayat: 144, 146.
10.	<i>Al-'Ijl/'ijlan/'ijl</i>	Anak lembu	10	Al-Baqarah, ayat: 51, 54, 92, 93; al-A'raf, ayat: 148, 152; al-Nisa', ayat: 153; Hud, ayat: 69; Taha, ayat: 88 & al-Zariyat, ayat: 26.
11.	<i>Al-Da'n</i>	Kambing biri-biri	1	Al-An'am, ayat: 143.

⁵ Bahagian Hal Ehwal Islam. Jabatan Perdana Menteri. *Tafsir Pimpinan Ar Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Tafsir al-Quran for Windows 95 Versi 1.0.

⁶ Ibid.

⁷ Ibid.

⁸ Ibid.

12.	<i>Na'jah/ni'ajih</i>	Kambing betina	2	Sad, ayat: 23 & 24.
13.	<i>Al-Ma'z</i>	Kambing	1	Al-An'am, ayat: 143.
14.	<i>Al-Fil</i>	Gajah	1	Al-Fil, ayat: 1.
15.	<i>Al-Qiradah</i>	Kera-kera	3	Al-Baqarah, ayat: 65; al-Ma'idah, ayat: 60 & al-A'raf, ayat: 166.
16.	<i>Al-Jiyad</i>	Kuda-kuda yang tangkas	1	Sad, ayat: 31.
17.	<i>Al-Khayl</i>	Kuda terbaik	5	Al Imran, ayat: 14; al-Anfal, ayat: 60; al-Nahl, ayat: 8; al-Isra', ayat: 64 & al-Hashr, ayat: 6.
18.	<i>Al-Adiyat</i>	Kuda yang pantas berlari	1	Al-Adiyat, ayat: 1.
19.	<i>al-Bighal</i>	Baghal-baghal	1	Al-Nahl, ayat: 8.
20.	<i>Himaruk/al-hamir/humur</i>	Keldai	5	Al-Baqarah, ayat: 259; al-Jumu'ah, ayat: 5; al-Nahl, ayat: 8; Luqman, ayat: 19 & al-Muddaththir, ayat: 50.
21.	<i>al-Khinzir/al-khanazir</i>	Babi	5	Al-Baqarah, ayat: 173; al-Ma'idah, ayat: 3, 60; al-An'am, ayat: 45 & al-Nahl, ayat: 115.
22.	<i>Qaswarah</i>	Singa	1	al-Muddaththir, ayat: 51.
23.	<i>Al-Sabu'</i>	Binatang buas	1	al-Ma'idah, ayat: 3.
24.	<i>Al-Kalb</i>	Anjing	3	Al-A'raf, ayat: 176 & al-Kahf, ayat: 18, 22.
25.	<i>Al-Zi'b</i>	Serigala	3	Yusuf, ayat: 13, 14 & 17.
26.	<i>Al-Na'am/al-an'am/an'am/an'aman/an'amukum/an'amuhum</i>	Binatang ternakan	33	Al-Ma'idah, ayat: 1, 95; Al Imran, ayat: 14; al-Nisa', ayat: 119; al-An'am, ayat: 13, 138 (3 kali), 139, 142; al-A'raf, ayat: 179; Yunus, ayat: 24; al-Nahl, ayat: 5, 66 & 80; Taha, ayat: 54; al-Hajj, ayat: 28, 30, 34; al-Mu'minun, ayat: 21; al-Furqan, ayat: 44, 49; al-Shu'ara', ayat: 133; al-Sajdah, ayat: 27; Fatir, ayat: 28; Yasin, ayat: 71; al-Zumar, ayat: 6; Ghafir, ayat: 79; al-Shura, ayat: 11; al-

				Zukhruf, ayat: 12; Muhammad, ayat: 12; al-Nazi'at, ayat: 33 & 'Abasa, ayat: 32.
27.	<i>Dabbah/al-dawab</i>	Haiwan yang bergerak	18	Al-Baqarah, ayat: 164; al-An'am, ayat: 38; Hud, ayat: 6, 56; al-Nahl, ayat: 49, 61; al-Nur, ayat: 45; al-Naml, ayat: 82; al-'Ankabut, ayat: 60; Luqman, ayat: 10; al-Anfal, ayat: 22, 55; al-Hajj, ayat: 18; Fatir, ayat: 28, 45; Saba', ayat: 14; al-Shura, ayat: 29 & al-Jathiyah, ayat: 4.
28.	<i>Al-Hut/hitan/sayd al-bahr/al-lahm al-tariyy</i>	Ikan	7	Al-Kahf, ayat: 61, 63; al-Saffat, ayat: 142; al-Qalam, ayat: 48; al-A'raf, ayat: 63; al-Ma'idah, ayat: 96 & al-Nahl, ayat: 14.
29.	<i>Al-Dafadi'</i>	Katak-katak	1	Al-A'raf, ayat: 133.
30.	<i>Al-Nahl</i>	Lebah	1	Al-Nahl, ayat: 68.
31.	<i>Al-Naml/namlah</i>	Semut	2	Al-Naml, ayat: 18.
32.	<i>Al-Ankabut</i>	Labah-labah	1	Al-Ankabut, ayat: 41.
33.	<i>Al-Farash</i>	Kelkatu	1	Al-Qari'ah, ayat: 4.
34.	<i>Al-Jarad</i>	Belalang	2	Al-A'raf, ayat: 133 & al-Qamar, ayat: 7.
35.	<i>Al-Zubab</i>	Lalat	1	Al-Hajj, ayat: 73.
36.	<i>Al-Ba'udah</i>	Nyamuk	1	Al-Baqarah, ayat: 26.
37.	<i>Al-Qummal</i>	Kutu	1	Al-A'raf, ayat: 133.
38.	<i>Al-Tayr/tayran/ta'ir</i>	Burung	18	Al-Baqarah, ayat: 260, Al-Imran, ayat: 49; al-Ma'idah, ayat: 10; al-An'am 38; Yusuf, ayat: 36, 41; al-Nahl, ayat: 79; al-Anbiya', ayat: 79; al-Hajj, ayat: 31; al-Nur, ayat: 41; al-Naml, ayat: 16, 17, 20; Saba', ayat: 10; Sad, ayat: 19; al-Waqi'ah, ayat: 21; al-Mulk, ayat: 19 & al-Fil, ayat: 3.
39.	<i>Al-Hudhud</i>	Burung belatuk	1	Al-Naml, ayat: 20.

40.	<i>Al-Salwa</i>	Sejenis burung	3	Al-Baqarah, ayat: 57; al-A'raf, ayat: 160 & Taha, ayat: 80.
41.	<i>Al-Ghurab</i>	Burung gagak	1	Al-Ma'idah, ayat: 31.
42.	<i>Thu'ban</i>	Ular besar	2	Al-A'raf, ayat: 107 & al-Shu'ara', ayat: 32.
43.	<i>Hayyah</i>	Ular kecil	1	Taha, ayat: 20.
44.	<i>Al-Ishar</i>	Unta-unta bunting	1	Al-Takwir, ayat: 4.
45.	<i>Al-Wuhush</i>	Binatang liar	1	Al-Takwir, ayat: 5.
Jumlah besar			165	

Manakala haiwan yang terpilih untuk diabadikan sebagai nama bagi surah-surah al-Quran al-Karim pula dapat dilihat dalam jadual berikut:

Bil.	Nama Haiwan	Nama Surah	Status Surah	No. Surah	Bil. Ayat
1.	Lembu	al-Baqarah	Madaniyyah	2	286
2.	Haiwan ternakan	al-An'am	Makkiyyah	6	165
3.	Lebah	al-Nahl	Makkiyyah	16	128
4.	Semut	al-Naml	Makkiyyah	27	93
5.	Labah-labah	al-Ankabut	Makkiyyah	29	69
6.	Kuda perang	al-Adiyat	Makkiyyah	100	11
7.	Gajah	al-Fil	Makkiyyah	105	5

Jika diperhatikan, boleh dikatakan sebahagian besar daripada jenis haiwan terutama yang hampir dalam kehidupan harian manusia disebutkan di dalam Quran. Binatang ternakan yang merupakan haiwan paling dekat dengan manusia dalam memenuhi pelbagai keperluan hidup seperti untuk dijadikan sebagai sumber makanan, kediaman, pakaian dan perhiasan, kenderaan tunggangan, pengangkutan barangan, kekuatan ketenteraan, serta sebagai simbol kemewahan dan ketinggian status sosial, misalnya mendapat tempat paling utama dalam senarai kekerapan kemunculannya di dalam Quran dengan pelbagai pendekatan, sama ada dengan menggunakan kata nama umum binatang ternakan seperti *al-an'am* atau spesifik kepada nama-nama binatang yang terangkum di bawah kategori haiwan ternakan seperti unta, lembu, kambing, kuda, keldai dan sebagainya. Haiwan liar juga kerap muncul dengan kata nama umum seperti '*al-Sabu'* (binatang buas) atau '*al-Wuhush'* (binatang liar) atau dengan nama spesifik untuk binatang yang

terangkum di bawah kategorinya seperti singa, serigala, babi, kera, ular dan lain-lain. Begitu juga dengan jenis burung, atau haiwan yang terbang di udara seperti gagak, belatuk dan lain-lain; jenis ikan atau haiwan yang hidup di dalam air seperti ikan, buruan laut dan lain-lain; haiwan yang hidup di dua alam (air dan darat) seperti katak dan begitu juga dengan serangga seperti lalat, nyamuk, belalang, kutu dan lain-lain.

3. PERHATIAN QURAN TERHADAP HAIWAN DAN TERNAKAN

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, ternakan adalah haiwan peliharaan jinak yang dipelihara untuk menghasilkan makanan dan hasil lain yang berharga.⁹ Juga ditakrifkan sebagai haiwan-haiwan seperti kambing, lembu, biri-biri, unta, kuda, baghal, keldai, ayam itik dan lain-lain, yang bergantung kepada pemeliharaan oleh manusia dengan cara menyediakan keperluan-keperluan mereka atau menuntun mereka ke tempat-tempat yang terdapat padanya keperluan mereka, dan sebagai imbalannya Allah SWT mempermudah mereka kepada manusia untuk digunakan bagi memenuhi kemaslahatan hidup duniawi.¹⁰

Walau bagaimanapun, di dalam Quran terdapat istilah lebih spesifik yang merujuk kepada sebahagian daripada kelompok haiwan ternakan dalam takrifan di atas. Istilah tersebut muncul dengan menggunakan kata nama tunggal *al-Na'am* dan kata jamaknya pula *al-An'am*. Menurut para ulama, *al-An'am* dalam Quran adalah merujuk kepada empat kategori haiwan ternakan iaitu kambing, biri-biri, unta dan lembu serta yang diseumpamakan dengannya.¹¹

Seperti yang dinyatakan di atas, haiwan ternakan mendapat tempat yang paling utama dalam statistik kemunculannya dalam Quran berbanding haiwan lain. Haiwan ternakan dalam erti katanya yang spesifik iaitu dengan kata nama tunggal *al-Na'am* atau kata jamak *al-An'am* pula muncul sebanyak 33 kali dengan pecahan seperti dalam jadual berikut:¹²

Bil.	Kata nama	Terjemahan	Kekerapan
1.	<i>Al-Na'am</i> (النعم)	Haiwan ternakan	1
2.	<i>Al-An'am</i> (الأنعام)	Haiwan-haiwan ternakan (khusus)	22
3.	<i>An'am</i> (أنعام)	Haiwan-haiwan ternakan (umum)	4
4.	<i>An'aman</i> (أنعاما)	Haiwan-haiwan ternakan (umum)	2
5.	<i>An'amukum</i> (أنعامكم)	Haiwan-haiwan ternakan kamu	3

⁹ Lihat: <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=ternakan&d=243192&#LIHATSINI> (10/4/2018).

¹⁰ Lihat: Wafa' Burhan. 2014. *Bahimat al-A'am.. al-An'am.. al-Dawab*. <https://pointofviewofquran.wordpress.com/2014/07/21/الدواب-الأنعام-الأنعام-بيهيمّة/> (10/4/2018).

¹¹ Lihat: Ibn Kathir. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Jld. 2. Hlm. 8; Abu Zuhrah. *Zahrat al-Tafasir*. Jld. 4. Hlm. 2014. al-Zuhayli. *Al-Tafsir al-Munir*. Jld. 6. Hlm. 64.

¹² Lihat: al-Najjar. *Al-Hayawan fi al-Qur'an al-Karim*. Hlm. 35.

6.	<i>An'amuhum</i> (أنعامهم)	Haiwan-haiwan ternakan mereka	1
Jumlah			33

Selain itu, seperti yang dinyatakan sebelum ini, satu daripada surah terpanjang dalam Quran telah dipilih untuk dinamakan menggunakan nama ini iaitu surah al-An'am. Dinamakan sebagai surah al-An'am kerana di dalamnya muncul kalimah al-An'am sebanyak enam kali, iaitu pada ayat dari 136-142.¹³ Selain al-An'am, surah ini turut dinamakan sebagai al-Hujjah memandangkan di dalamnya terkandung pelbagai hujah yang membuktikan keesaan Allah SWT serta kebenaran Rasulullah SAW sebagai utusanNya. Juga kerana kemunculan kalimah 'hujjah' sebanyak dua kali, iaitu pada ayat 83 dan 149.¹⁴ Sejajar dengan statusnya sebagai salah satu dari surah utama Makkiah, kandungannya banyak tertumpu kepada aspek penekanan kepada persoalan akidah yang menerang serta mebantangkan hujah-hujah konkrit, mengenai kebenaran akidah Islam serta menghuraikan kebatilan pegangan, kepercayaan, amalan serta adat tradisi yang mereka warisi sejak turun temurun termasuk dalam hal ehwal berkaitan haiwan ternakan yang menjadi sumber utama pergantungan hidup mereka.¹⁵ Berikutan itu, para ulama menyebut bahawa surah al-An'am merupakan surah yang paling luas memberikan gambaran tentang adat budaya serta pegangan kepercayaan masyarakat jahiliah ketika kebangkitan Rasulullah SAW.¹⁶

Jika surah al-An'am merupakan antara surah *Makkiah* yang antara ciri utamanya memberikan fokus kepada pembinaan sahsiah melalui pemurnian akidah dan akhlak, bukanlah satu kebetulan, apabila kita dapati bahawa surah terpanjang dalam kategori *Madaniyah* yang antara ciri utamanya memberikan fokus kepada aspek pembangunan ummah dan daulah melalui peraturan hidup iaitu ibadah, munakahat, muamalah dan sistem perundangan seperti jenayah, hak asasi, hubungan sesama manusia, persekitaran termasuk haiwan serta ternakan dan lain-lain, juga mengambil sempena namanya daripada haiwan ternakan iaitu al-Baqarah atau lembu betina. Lebih dari itu, seperti yang dimaklumi al-Baqarah yang turut dikenali sebagai puncak Quran ini juga¹⁷, merupakan surah terpanjang dalam Quran secara keseluruhannya. Bukan juga suatu kebetulan apabila kita dapati bahawa para mufasir dan pengkaji merumuskan bahawa objektif surah yang menggunakan binatang ternakan sebagai namanya ini, adalah untuk menerangkan

¹³ Lihat; Ibn Ashur. Muhammad al-Tahir bin Muhammad. 1984. *Al-Tahrir wa al-Tanwir min Ilm al-Tafsir*. Tunisia: al-Dar al-Tunisiyyah li al-Nashr. Jld 7. Hlm. 121.

¹⁴ Lihat: Abu Subhah, Jihan Hasan. 434H/2013. *Manhajiyat al-Islah wa al-Taghyir fi Surat al-An'am (Dirasat Mawdu'iyah)*. Tesis Sarjana Pengajian Tafsir dan Ulum al-Quran. Jabatan Tafsir dan ulum al-Quran, Fakulti Usuluddin. Ghazzah: Universiti Islam Gaza. Hlm. 51.

¹⁵ Ibid. hlm. 42.

¹⁶ Sahlul, Abduh Muhammad Ali. *Al-Wasaya al-Ashr fi Surat al-An'am Dirasah Mawdu'iyah*. Majallat Jami'at al-Nasir. Al-Nasser University. Vol 4. Julai-Disember 2014. Hlm. 322.

¹⁷ Lihat hadis mengenai fadilat surah al-Baqarah dan gelarannya sebagai Puncak Quran dalam: Lihat: al-Bustiy, Muhammad Bin Hibban. 1414H/1993. *Sahih Ibn Hibban*. Tah. Al-Arna'ut, Shuayb. Beirut: Mu'assasat al-Risalah. jld. 3. hlm. 59. Kitab al-Raqa'iq. Bab Qira'at al-Qur'an. Hadis no. 780; al-Hakim al-Naysaburiyy, Muhammad Bin Abdullah. 1411H/1990. *Al-Mustadrak Ala al-Sahihayn*. Tah. Ata, Mustafa Abdul Qadir. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Jld. 2. Hlm. 285. Kitab al-Tafsir. Hadis no. 3027.

tentang peranan utama manusia di sebalik perutusannya ke muka bumi, iaitu tanggungjawab khilafah yang mereka pikul, panduan dan rujukan bagi menunaikan tuntutan khilafah, keperluan penyediaan individu dan organisasi, sistem kemasyarakatan dan asas perundangan, serta cabaran dan tentangan yang bakal dihadapi dalam merealisasikan tanggungjawab ini¹⁸.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa kehadiran haiwan dan ternakan dalam Quran bukanlah sebagai suatu penghias kata, atau pelengkap bicara semata-mata. Akan tetapi kehadirannya sebagai jenama kepada puncak Quran iaitu surah al-Baqarah dan hujah Quran iaitu surah al-An'am merangkumi dua kategori Quran; Makkiyah dan Madaniyah adalah sesuatu yang masih terbuka luas di hadapan para pengkaji untuk meneroka berbagai hikmah atau hakikat tersirat di sebaliknya. Seiring dengan itu, kehadirannya dalam surah dan ayat lain dalam Quran juga tidak kurang penting perlu dikaji dan diselidiki dari berbagai aspek oleh para mufasir, ilmuwan dan pengkaji.

4. OBJEKTIF PENYEBUTAN HAIWAN DALAM QURAN

Menurut para ulama dan mufasir seperti al-Zamakhshariyy¹⁹, al-Fakhr al-Raziyy²⁰, al-Qurtubiyy²¹, Rashid Reda²² dan Muhammad al-Amin al-Harariyy²³, begitu juga dengan para pengkaji dan penyelidik yang menjadikan isu ini sebagai fokus kajian mereka²⁴, kemunculan nama-nama haiwan kehadiran nama-nama haiwan di dalam Quran membawa pelbagai maksud dan objektif tertentu, sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Antara maksud atau objektif yang dinyatakan oleh para ulama dalam huraian mereka di sebalik kehadiran nama-nama haiwan secara umumnya dalam ayat-ayat Quran ialah:

¹⁸ Lihat: Nukhbat Min Ulama al-Tafsir Wa Ulum al-Qur'an. 1431H/2010. *Al-Tafsir al-Mawdu'iy Li Suwar al-Qur'an*. Pnyl. Mustafa Muslim. Shariqah: Jami'ah al-Shariqah. Jld. 1. hlm. 26-28; al-Masriyy, Muhammad Abdul Hadi. T.th. *Awn al-Karim Fi Bayan Maqasid Suwar al-Qur'an al-Karim*. T.tp.: Minbar al-Tawhid Wa al-Jihad. Hlm. 15; Jama'ah Min Ulama' al-Tafsir. 1439H. *Al-Mukhtasar Fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Riyadh: Markaz Tafsir Li al-Dirasat al-Qur'aniyyah. Hlm. 2; Qutb, Sayyid. 1423H/2003. *Fi Zilal al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Shururq. Jld. 1. Hlm 28.

¹⁹ Lihat: al-Zamakhshariyy, Mahmud Bin Amr. 1407H. *Al-Kashshaf 'An Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil Wa 'Uyun al-Aqawil Fi Wujuh al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabiyy. Jld. 1. Hlm. 111-116.

²⁰ Lihat: al-Fakhr al-Razi, Muhammad Bin Umar. 1420H. *Mafatih al-Ghayb*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy. Jld. 1. Hlm. 363.

²¹ Lihat: al-Qurtubiyy. *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*. Jld. 20. Hlm. 34-36.

²² Lihat: Reda, Muhammad Rashid. 1990. *Tafsir al-Qur'an al-Hakim*. T.tp.: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah Li al-Kitab. Jld. 1. Hlm. 201.

²³ Lihat: al-Harariyy, Muhammad al-Amin Bin Abdullah. 1421H/2001. *Hada'iq al-Ruh Wa al-Rayhan Fi Rawabiyy Ulum al-Qur'an*. Beirut: Dar Tuq al-Najah. Jld. 1. Hlm. 249-251.

²⁴ Lihat sebagai contoh: al-Fayyumiyy, Ibrahim Husayn. *Rawa'i I'jaz al-Qur'an Fi Qasas al-Tayr Wa al-Hayawan Dirasah Fanniyyah Fi al-Bunyah al-Amiqah*. Al-Mu'tamar al-Ilmiyy al-Thalith al-I'jaz Fi al-Qur'an al-Karim. Gaza: Al-Aqsa University. 10-12 Safar 1421H/15-17 Mei 2000M. Jld.1. Hlm. 4. Radiyah Nasib & Najah Shayi'. *Alfaz al-Hayawan Fi al-Qur'an al-Karim "Dirasah Dalaliyyah"*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa dan Kesusasteraan Arab (Ulum al-Lisan). 1438H/2016-2017M. Kulliyat al-Adab Wa al-Lughat. Jami'at al-Shahid Hammah Lakhdar al-Wadiy. Algeria. 1437- Hlm. 71-72. Ahlam Abdullah Sulaiman Salih. *Surat al-Hayawan Wa al-Tayr Fi al-Qur'an (Dirasah Balaghiyyah)*. Disertasi Ijazah Sarjana Bahasa. 2011/2012. Hlm. 48-95. Kulliyat al-Dirasat al-Ulya. Jami'at al-Najah al-Wataniyyah. Nablus, Palestin.

i. Iktibar terhadap kebesaran dan kekuasaan Allah SWT dalam mencipta haiwan berkenaan dengan pelbagai ciri keistimewaan yang ada pada mereka, supaya manusia berfikir, bersyukur dan seterusnya beriman dalam erti kata yang sebenar kepadaNya, sebagaimana firmanNya:

﴿وَأَوْحَىٰ رَبُّكَ إِلَى النَّحْلِ أَنِ اتَّخِذِي مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا وَمِنَ الشَّجَرِ وَمِمَّا يَعْرِشُونَ ثُمَّ كُلِي مِن كُلِّ الثَّمَرَاتِ فَاسْلُكِي سُبُلَ رَبِّكِ ذُلَالًا يَخْرُجُ مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُّخْتَلِفٌ أَلْوَانُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ﴾

Maksudnya: *Dan Tuhanmu memberi ilham kepada lebah: “Hendaklah engkau membuat sarangmu di gunung-ganang dan di pokok-pokok kayu, dan juga di bangunan-bangunan yang didirikan oleh manusia. “Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu”. (Dengan itu) akan keluarlah dari dalam badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari pelbagai-bagai penyakit. Sesungguhnya pada yang demikian itu, ada tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) bagi orang-orang yang mahu berfikir (Surah al-Nahl 16: 68-69).*

ii. Menerangkan tentang faedah atau potensi yang terdapat pada haiwan-haiwan berkenaan untuk manfaat kehidupan manusia dalam pelbagai sektor pengangkutan, pemunggahan, perhiasan dan lain-lain, sebagaimana yang difirmankan:

﴿وَالْحَيْلَ وَالْبِغَالَ وَالْحَمِيرَ لِتَرْكَبُوهَا وَزِينَةً وَيَخْلُقُ مَا لَا تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: *Dan (Allah menjadikan) kuda dan baghal serta keldai untuk kamu menunggangnya, dan untuk menjadi perhiasan; dan ia menjadikan apa yang kamu tidak mengetahuinya (Surah al-Nahl 16: 8).*

iii. Menjelaskan hukum hakam berkaitan haiwan-haiwan berkenaan dalam kontek panduan serta kaedah mengambil faedah daripadanya, sebagaimana yang terserlah pada firmanNya:

﴿إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ ۗ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang yang disembelih tidak kerana Allah (0590) maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) (0591) sedang ia tidak menginginiya dan tidak melampaui batas (pada kadar benda yang di makan itu, maka tidaklah ia berdosa): sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani (Surah al-Nahl 16: 115).*

iv. Sebagai tamsilan terhadap sesuatu sifat atau perbuatan sesejenis haiwan sama ada baik ataupun buruk, yang selayaknya bagi mereka selaku makhluk yang tidak mempunyai akal fikiran untuk dibandingkan dengan manusia yang disifatkan oleh Allah SWT sebagai makhluk yang dimuliakan, serta dicipta dengan sebaik-baik ciptaan. Antaranya seperti yang dapat dilihat pada firman Allah SWT:

﴿مَثَلُ الَّذِينَ حُمِلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا بِئْسَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ﴾

Maksudnya: *Bandingan orang-orang (Yahudi) yang ditanggungkan dan ditugaskan (mengetahui dan melaksanakan hukum) Kitab Taurat, kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungan dan tugas itu, samalah seperti keldai yang memikul bendela Kitab-kitab besar (sedang ia tidak mengetahui kandungannya). Buruk sangka bandingan kaum yang mendustakan ayat-ayat keterangan Allah; dan (ingatlah), Allah tidak memberi hidayah pertunjuk kepada kaum yang zalim (Surah al-Jumu'ah 62: 5).*

v. Menzahirkan sebahagian dari kekuasaan serta kehendak mutlak Allah SWT dalam mencipta, menghidup, memati atau menguruskan makhluk-makhlukNya sekalipun ia bertentangan dengan hukum alam secara zahir yang sedia dimaklumi oleh manusia. Ini seperti yang dapat dilihat dalam peristiwa yang dirakamkan oleh Quran:

﴿وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ أَرِنِي كَيْفَ تُحْيِي الْمَوْتَىٰ قَالَ أَوْ لَمْ تُؤْمِنْ قَالَ بَلَىٰ وَلَكِن لِّيَطْمَئِنَّ قَلْبِي ۖ قَالَ فَخُذْ أَرْبَعَةً مِّنَ الطَّيْرِ فَصُرْهُنَّ إِلَيْكَ ثُمَّ أَجْعَلْ عَلَىٰ كُلِّ جَبَلٍ مِّنْهُنَّ جُزْءًا ثُمَّ ادْعُهُنَّ يَأْتِينَكَ سَعْيًا وَاعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim (merayu dengan) berkata: “Wahai Tuhanku! Perhatikanlah kepadaku bagaimana Engkau menghidupkan makhluk-makhluk yang mati?” Allah berfirman: “Adakah engkau belum percaya (kepada kekuasaanKu)?” Nabi Ibrahim menjawab: “Bahkan (aku percaya dan yakin), akan tetapi (aku memohon yang demikian ialah) supaya tenteram hatiku (yang sangat-sangat ingin menyaksikannya)”. Allah berfirman: “(Jika demikian), ambillah empat ekor burung, kemudian kumpulkanlah olehmu (dan cincanglah semuanya). Setelah itu letakkanlah di atas tiap-tiap sebuah bukit sebahagian daripadanya. Kemudian serulah burung-burung itu nescaya semuanya akan datang kepadamu dengan segera”. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana (Surah al-Baqarah 2: 260).*

vi. Memberi peringatan tentang kedudukan haiwan-haiwan berkenaan sebagai sebahagian dari tentera Allah SWT yang sentiasa patuh kepada perintah dan laranganNya. Di sebalik kelemahan yang terzahir pada fizikal sesetengah mereka, tersimpan kekuatan yang tidak terduga oleh manusia sehingga boleh membawa padah kemusnahan kepada mereka dengan perintah daripadanya. Antara yang dapat dilihat dengan jelas ialah bagaimana burung-burung kecil boleh memusnahkan dengan begitu dahsyat, sebuah bala tentera bergajah yang terlalu angkuh ingin memusnahkan rumah Allah SWT, seperti yang dikisahkan dalam surah al-Fil:

﴿أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَابِ الْفِيلِ ۗ أَلَمْ يَجْعَلْ كَيْدَهُمْ فِي تَضْلِيلٍ ۗ وَأَرْسَلَ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ تَرْمِيهِم بِحِجَارَةٍ مِّن سِجِّيلٍ فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَّأْكُولٍ﴾

Maksudnya: *Tidakkah engkau mengetahui bagaimana Tuhanmu melakukan kepada angkatan tentera (yang dipimpin oleh pembawa) Gajah, (yang hendak meruntuhkan Kaabah)? Bukankah Tuhanmu telah menjadikan rancangan jahat mereka dalam keadaan yang merugi dan memusnahkan mereka? Dan Ia telah menghantarkan kepada mereka (rombongan) burung berpasuk-pasuk, - Yang melontar mereka dengan batu-batu dari sejenis tanah yang dibakar keras, Lalu Ia menjadikan mereka hancur berkecai seperti daun-daun kayu yang dimakan ulat (Surah al-Fil 105: 1-5).*

vii. Membuktikan kebenaran janji Allah SWT dalam memberikan bantuan atau perlindungan kepada hambanya yang beriman dan berjuang mempertahankan kebenaran, seperti yang berlaku kepada tujuh pemuda beriman dalam kisah ashabul kahfi. Antara bentuk bantuan perlindungan yang Allah SWT kurniakan kepada mereka ialah seekor anjing yang berada di pintu gua dalam keadaan seperti mengawal mereka dari sebarang gangguan, ketika mereka berlindung di gua berkenaan²⁵. Firman Allah SWT:

﴿وَتَحْسَبُهُمْ آيِقَاطًا وَهُمْ رُقُودٌ وَنُقَلِّبُهُمْ ذَاتَ الْيَمِينِ وَذَاتَ الشِّمَالِ وَكَلْبُهُمْ بَاسِطٌ ذِرَاعَيْهِ بِالْوَصِيدِ لَوِ اطَّلَعْتَ عَلَيْهِمْ لَوَلَّيْتَ مِنْهُمْ فِرَارًا وَلَمَلِئْتَ مِنْهُمْ رُعْبًا﴾

Maksudnya: *Dan engkau sangka mereka sedar, padahal mereka tidur; dan Kami balik-balikkan mereka dalam tidurnya ke sebelah kanan dan ke sebelah kiri; sedang anjing mereka menghulurkan dua kaki depannya dekat pintu gua; jika engkau melihat mereka, tentulah engkau akan berpaling melarikan diri dari mereka, dan tentulah engkau akan merasa sepenuh-penuh gerun takut kepada mereka (Surah al-Kahf 18: 18).*

viii. Menjadi inspirasi inovasi kepada manusia dalam merekacipta peralatan atau kemudahan yang membantu melancarkan urusan kehidupan mereka atau mempertingkatkan lagi rekacipta sedia ada yang telah diwarisi dari generasi terdahulu. Perkembangan pesat ilmu bionik²⁶, yang menjadikan benda hidup iaitu haiwan dan lainnya sebagai sumber reka cipta²⁷, adalah antara bukti kukuh hakikat ini. Perkembangan terkini dalam teknologi kejuruteraan aeronautik misalnya, menemukan penyelesaian terhadap bunyi bising kapal terbang ketika berlepas dan mendarat pada ciri-ciri unik sayap burung hantu yang mampu terbang dan menyerang hendap mangsanya tanpa sebarang bunyi bising²⁸.

²⁵ Lihat: Tantawiyy, Muhammad Sayyid. 1998. *Al-Tafsir al-Wasit Li al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Dar Nahdah Misr Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzi'. Jld.8. hlm. 488.

²⁶ Menurut Kamus Dewan, ilmu bionik ialah: Kajian tentang fungsi biologi tertentu yang boleh diterapkan pada perkembangan alat elektronik yang boleh beroperasi seperti fungsi biologi tersebut. Lihat: <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=bionik&d=28648&#LIHATSINI> (15.10.2020).

²⁷ Lihat: Mufaddal, Wahid Muhammad. 12hb. April 2014. *aljazeera.net. Thawrat Ilm al-Bayunik.. Ma Bayn al-Asalah Wa al-Tajdid*. <https://bit.ly/2T3C94A> (15.10.2020).

²⁸ Lihat: Muhammad Sya'ban. 12hb. Oktober 2020. *aljazeera.net. Wa Yakhluqu Ma La Ta'lamun...Ajnihat al-Bum Tulhim al-Ulama' Li Sina'at Ta'irat Aqall Dawda'*. <https://bit.ly/2Hcu5fb> (15.10.2020).

ix. Memberi petunjuk atau jalan penyelesaian terhadap kebuntuan dalam menghadapi permasalahan yang membelenggu jiwa dan pemikiran. Hal ini seperti yang dihadapi oleh anak Adam a.s sejourus setelah beliau membunuh saudaranya lalu beliau menyesal dan mencari jalan untuk melupuskan jenazah saudaranya itu. Namun, beliau buntu sehinggalah Allah SWT mengutuskan burung gagak yang mengorek-ngorek tanah untuk menanam bangkai kawannya yang telah mati²⁹. Firman Allah SWT:

﴿فَبَعَثَ اللَّهُ غُرَابًا يَبْحَثُ فِي الْأَرْضِ لِيُرِيَهُ كَيْفَ يُورِي سَوْءَةَ أَخِيهِ قَالَ يُورِي سَوْءَةَ مَا أُفْسِدَ يَدَايَ وَأَوْرِي سَوْءَةَ أَخِي فَأَصْبَحَ مِنَ النَّادِمِينَ﴾

Maksudnya: *Kemudian Allah hantarkan seekor burung gagak yang mengorek-ngorek di bumi supaya diperlihatkan kepadanya bagaimana cara menimbus mayat saudaranya. Lalu dia berkata: "Wahai celakanya aku, alangkah lemah serta bodohnya aku, aku tidak tahu berbuat seperti burung gagak ini, supaya aku dapat menimbuskan mayat saudaraku?". Kerana itu menjadilah ia dari golongan orang-orang yang menyesal (Surah al-Ma'idah 5: 31).*

5. OBJEKTIF PENYEBUTAN BINATANG TERNAKAN DALAM QURAN

Manakala maksud atau objektif di sebalik kemunculan haiwan ternakan dalam Quran juga tidak jauh beza dari maksud atau objektif asas kehadiran haiwan lain secara umumnya. Berikut disenaraikan antara objektif yang dapat dirumuskan dari pengamatan terhadap ayat-ayat di mana padanya muncul nama-nama binatang ternakan ini:

i. Menjadi iktibar terhadap kebesaran dan kekuasaan Allah SWT dalam mencipta haiwan ternakan berkenaan dengan pelbagai ciri keistimewaan pada kejadian mereka yang tidak akan mampu direka cipta oleh selain daripada Allah SWT Yang Maha Bijaksana. Ayat-ayat seperti ini menarik perhatian manusia supaya berfikir, bersyukur dan seterusnya beriman kepada Tuhan Semesta Alam, memandangkan kebergantungan mereka kepada haiwan ternakan ini sangat besar demi kesejahteraan dan kelangsungan hidup mereka hari demi hari. Antara ayat yang memaparkan fenomena ini, firmanNya:

﴿وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةً نُسْقِيكُمْ مِمَّا فِي بُطُونِهِ مِنْ بَيْنِ فَرْثٍ وَدَمٍ لَبَنًا خَالِصًا سَائِغًا لِلشَّرِبِينَ﴾

Maksudnya: *Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; (Iaitu) susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya (Surah al-Nahl 16: 66).*

²⁹ Lihat: Ibn Ashur. *Al-Tahrir wa al-Tanwir min Ilm al-Tafsir*. Jld 6. Hlm. 174.

ii. Menerangkan tentang faedah atau kegunaan binatang ternakan berkenaan untuk manfaat kehidupan manusia seperti yang telah dan sedang mereka nikmati. Selain itu, pelbagai potensi lain yang terdapat pada haiwan ternakan ini turut disinggung sebagai petunjuk untuk manusia berusaha melakukan inovasi dalam mengambil faedah dan manfaat daripada ternakan mereka. Perkara ini antara lain dapat dilihat pada firmanNya:

﴿اللَّهُ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَنْعَامَ لِتَرْكَبُوا مِنْهَا وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ وَلَكُمْ فِيهَا مَنَافِعُ وَلِتَبَلَّغُوا عَلَيْهَا حَاجَةً فِي صُدُورِكُمْ وَعَلَيْهَا وَعَلَى الْفُلْكِ تُحْمَلُونَ﴾

Maksudnya: *Dan kamu pula beroleh pelbagai faedah pada binatang ternak itu; dan supaya kamu dapat memenuhi sesuatu hajat yang ada dalam hati kamu dengan menggunakan binatang itu; dan di atas binatang-binatang ternak itu serta di atas kapal-kapal, kamu diangkut* (Surah Ghafir 40:79-80).

iii. Menjelaskan hukum hakam berkaitan binatang ternakan berkenaan dalam konteks mengambil faedah daripadanya dari sudut halal haram, situasi, syarat dan lain-lain supaya ia benar-benar dimanfaatkan secara optimum seterusnya memberikan impak positif kepada kesejahteraan serta kesempurnaan hidup manusiawi. Antara ayat yang menyerlahkan perbahasan ini ialah firmanNya:

﴿مَا جَعَلَ اللَّهُ مِنْ بَحِيرَةٍ وَلَا سَائِيَةٍ وَلَا وَصِيلَةٍ وَلَا حَامٍ وَلَاكِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَأَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ﴾

Maksudnya: *Allah tidak sekali-kali mensyariatkan bahirah, tidak juga saa'ibah, tidak juga wasilah, dan tidak juga haam. Akan tetapi orang-orang kafir itu sentiasa mengadakan perkara dusta terhadap Allah; dan kebanyakan mereka tidak menggunakan akal fikirannya* (Surah al-Ma'idah 5: 103).

iv. Sebagai tamsilan terhadap sesuatu sifat atau perbuatan yang tidak selayaknya dilakukan oleh manusia selaku khalifah. Allah SWT telah memuliakan penciptaan manusia dan mengangkat kedudukan mereka sebagai khalifah. Namun, kebanyakan mereka jauh tersasar dari tata susila seorang khalifah yang sepatutnya sentiasa tunduk dan patuh kepada perintah Pencipta mereka melalui wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah SAW. Perbuatan serta sikap mereka ini adakalanya ditempelak oleh Allah SWT, seolah-olah seperti perilaku binatang ternakan yang tiada akal fikiran. Antara contoh tempelakan ini, firman Allah SWT:

﴿أَرَأَيْتَ مَنِ اتَّخَذَ إِلَٰهَهُ هَوَاهُ أَفَأَنْتَ تَكُونُ عَلَيْهِ وَكِيلاً أَمْ تَحْسَبُ أَنَّ أَكْثَرَهُمْ يَسْمَعُونَ أَوْ يَعْقِلُونَ إِنْ هُمْ إِلَّا كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ سَبِيلاً﴾

Maksudnya: *Nampakkah (wahai Muhammad) keburukan keadaan orang yang menjadikan hawa nafsunya: tuhan yang dipuja lagi ditaati? Maka dapatkah engkau menjadi pengawas yang menjaganya jangan sesat? Atau adakah engkau menyangka bahawa kebanyakan mereka*

mendengar atau memahami (apa yang engkau sampaikan kepada mereka)? Mereka hanyalah seperti binatang ternak, bahkan (bawaan) mereka lebih sesat lagi (Surah al-Furqan 25: 43-44).

v. Menzahirkan sebahagian dari kekuasaan serta kehendak mutlak Allah SWT dalam mencipta, menghidup, memati atau menguruskan makhluk-makhlukNya sekalipun ia bercanggah dengan hukum alam secara zahir yang sedia dimaklumi oleh manusia. Juga kekuasaan mutlakNya dengan menjadikan sesetengah haiwan ternakan tertentu sebagai subjek terzahirnya kekuasaan dan kehendak mutlakNya ke atas umat manusia yang ingkar. Hakikat ini antara lain dapat dihayati dalam peristiwa yang dirakamkan oleh Quran pada ayat:

﴿وَالِىٰ تَمُوذَ اٰخَاهُمْ صٰلِحًا قَالَ يٰقَوْمِ اَعْبُدُوا اللّٰهَ مَا لَكُمْ مِّنْ اِلٰهٍ غَيْرُهُۥ قَدْ جَآءَتْكُمْ بَيِّنَةٌ مِّنْ رَّبِّكُمْ هٰذِهِۦ نٰقَةُ اللّٰهِ لَكُمْ اٰيَةٌۭ ۙ فَذَرُوها تَاْكُلْ فِىۡ اَرْضِ اللّٰهِ وَلَا تَمَسُّوهاۙ بِسُوٓءٍۭ فَيَاْخُذَكُمْ عَذٰبٌۭ اَلِيْمٌۙ﴾

Maksudnya: *Dan kepada kaum Thamud (Kami utuskan) saudara mereka: Nabi Salih. Ia berkata: "Wahai kaumKu! Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan yang nyata (mukjizat) dari Tuhan kamu; ini adalah seekor unta betina (dari) Allah sebagai keterangan bagi kamu (membuktikan kebenaranku). Oleh itu, biarkanlah unta itu mencari makan di bumi Allah, dan janganlah kamu menyentuhnya dengan sesuatu yang menyakitinya; (kalau kamu menyentuhnya) maka kamu akan ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya (Surah al-A'raf 7: 73).*

Menurut riwayat, unta Nabi Salih a.s. dicipta Allah SWT dengan mengeluarkannya dari sebuah batu besar tanpa melalui proses kelahiran biasa, dalam keadaan hamil dan terus melahirkan anak-anaknya tanpa proses persenyawaan biasa, sebagai mukjizat kepada baginda dalam berhadapan dengan kaumnya yang meletakkan syarat-syarat seperti itu untuk mereka beriman dengan seruan yang dibawa oleh baginda. Unta ini juga menjadi tanda kebesaran, kekuasaan dan kesaksamaan Allah SWT tatkala mereka mencabuli syarat yang mereka sendiri persetujui dengan membunuh unta berkenaan, lalu azab siksa yang dahsyat datang menjemput mereka daripadaNya.³⁰

vi. Menerangkan hak serta tanggungjawab yang perlu ditunaikan oleh pemilik atau orang yang berkemampuan terhadap nikmat haiwan ternakan yang Allah SWT kurniakan bagi kesejahteraan dan kemewahan hidup mereka. Di sebalik kebenaran serta kebebasan yang dikurniakan Allah SWT kepada mereka untuk menikmati rezeki daripada haiwan ternakan, mereka juga perlu menunaikan tanggungjawab mereka terhadap nikmat rezeki ini dengan memberi makan sebahagian daripadanya kepada golongan tidak berkemampuan sama ada dalam bentuk korban, sedekah mahupun zakat. Antara ayat yang menerangkan tanggungjawab ini ialah firman Allah SWT:

³⁰ Lihat: Ibn Kathir. *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Jld. 3. Hlm. 439-440.

﴿وَالْبَدَنَ جَعَلْنَاهَا لَكُمْ مِّنْ شَعِيرِ اللَّهِ لَكُمْ فِيهَا خَيْرٌ فَأَذْكُرُوا لَكُمْ اللَّهَ عَلَيْهَا صَوَافٍ فَإِذَا وَجَبَتْ جُنُوبَهَا فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعَمُوا
الْفُقَرَاءَ وَالْمُعْتَرِّ كَذَلِكَ سَخَّرْنَاهَا لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ﴾

Maksudnya: *Dan Kami jadikan unta (yang dihadiahkan kepada fakir miskin Makkah itu) sebahagian dari syiar agama Allah untuk kamu; pada menyembelih unta yang tersebut ada kebaikan bagi kamu; oleh itu sebutlah nama Allah (semasa menyembelihnya) ketika ia berdiri di atas tiga kakinya; maka apabila ia tumbang (serta putus nyawanya), makanlah sebahagian daripadanya, dan berilah (bahagian yang lain) kepada orang-orang yang tidak meminta dan yang meminta. Demikiannlah Kami mudahkan dia untuk kamu (menguasainya dan menyembelihnya) supaya kamu bersyukur (Surah al-Hajj 22: 36).*

6. PENUTUP

Haiwan secara umumnya dan binatang ternakan khususnya mendapat tempat yang sangat signifikan dalam Kitab Suci al-Quran al-Karim. Hakikat ini selari dengan peranan manusia sebagai khalifah Allah SWT yang bertanggungjawab memelihara, memulihara dan memakmurkan muka bumi untuk terus kekal lestari. Ianya juga sejajar dengan kedudukan Islam itu sendiri sebagai sebuah agama yang mengajak umatnya supaya sentiasa hidup dalam realiti sebenar kehidupan dan sentiasa pro aktif berkomunikasi serta berinteraksi dengan sesama manusia dan makhluk lain serta alam semesta umumnya. Selain itu, sebagai sebuah kitab yang sempurna, Quran tidak ketinggalan untuk menerangkan kepada umatnya aspek halal haram atau hukum hakam dalam konteks pengambilan faedah atau manfaat dari sumber ciptaan Allah SWT untuk mereka ini. Juga perlu diambil perhatian bahawa di sebalik ayat-ayat ini terdapat banyak isyarat atau petunjuk yang perlu dikaji atau digali oleh umat Islam supaya mereka dapat memanipulasi atau menghasilkan lebih banyak inovasi dalam mengoptimumkan penggunaan potensi yang ada pada sumber ini demi untuk kemajuan serta kemakmuran mereka.

Sebagai contoh, dari objektif penerangan hukum halal haram dalam penggunaan sumber dari haiwan ternakan, teretus industri halal yang terbukti bukan sahaja menarik perhatian pengguna umat Islam semata-mata kerana ia menjadi tanggungjawab mereka untuk memastikan makan minum mereka dari sumber serta kaedah yang halal. Namun, ternyata realiti menunjukkan bahawa industri ini turut menarik perhatian masyarakat bukan muslim di serata dunia memandangkan standard halal yang dibangunkan oleh umat Islam menjamin kualiti makanan yang disediakan memenuhi malah melampaui standard penyediaan secara konvensional dari sudut kebersihan, kesihatan, keaslian, ketelitian dan lain-lain yang turut didambakan oleh pengguna bukan Islam. Justeru, dalam hubungan ini umat islam perlu meneliti dan mengkaji ayat-ayat berkaitan haiwan dan ternakan ini secara komersial supaya lebih banyak keluaran (output) dapat dihasilkan menerusi pelbagai penyelidikan dan kajian yang dilakukan secara komprehensif oleh para penyelidik di institusi-institusi umat Islam.

Menyedari hakikat Kitab Suci Quran sebagai Kalamullah yang mukjizat, setiap komponen di dalamnya, malah setiap kalimah mahupun huruf mempunyai kedudukan dan

keistimewaannya yang tersendiri, selain dari fungsi serta objektifnya yang tersendiri dalam setiap kemunculan pada ayat atau surah berkenaan, setiap haiwan dan ternakan yang disebut di dalamnya juga perlu dilihat dalam konteks ini. Justeru, para mufasir dan para pakar dalam bidang zoologi perlu bergabung tenaga bersama para pengkaji dan penyelidik dalam kedua-dua bidang untuk meneroka dengan lebih lanjut hikmat serta rahsia tersirat di sebalik kemunculan haiwan dan ternakan di dalam Quran ini, yang pastinya akan menyerlahkan berbagai penemuan untuk kesejahteraan hidup manusia sejagat di muka bumi. Manakala bagi para pengkaji dalam ilmu tafsir atau kesusasteraan Arab, kajian lanjut mengenai fungsi haiwan dan ternakan dalam ayat atau surah berkenaan masih terbuka luas untuk dianalisis dan disintesis.

Selain aspek fizikal dan material, kemunculan nama, sifat, kisah atau hal ehwal berkaitan haiwan dan binatang ternakan dalam Quran turut meliputi aspek spiritual mahupun moral. Selari dengan pendekatan Quran yang sentiasa menyeru manusia supaya meneliti, mengkaji, menganalisis seterusnya mengambil pengajaran dari fenomena serta makhluk ciptaan Allah SWT bagi menginsafi kebesaran Allah SWT Yang Maha Pencipta dan kekerdilan manusia selaku hambaNya, begitu juga ayat-ayat berkaitan haiwan dan binatang ternakan ini turut menarik perhatian pembaca kepada hakikat yang sama. Manusia turut diseru supaya tidak leka untuk terus menerus meneliti dan mengkaji unsur yang menjadi sebahagian dari nadi kehidupan mereka ini, nilai-nilai yang boleh membawa kepada refleksi dan koreksi diri dalam usaha meningkatkan kesempurnaan diri sebagai insan kamil.

RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] 'Ulaiwiyy, 'Umar. *Asma' al-Hayawan fi al-Qur'an Dirasah Dalaliyyah wa Mu'jam*. Disertasi Sarjana Fakulti Kesusasteraan dan Bahasa, Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab. Sesi 2011/2012. Kementerian Pendidikan Tinggi dan Penyelidikan Sainifik. Universiti Farhat 'Abbas. Algeria.
- [2] Abu Subhah, Jihan Hasan (434H/2013). *Manhajyyat al-Islah wa al-Taghyir fi Surat al-An'am (Dirasat Mawdu'iyyah)*. Tesis Sarjana Pengajian Tafsir dan Ulum al-Quran. Jabatan Tafsir dan ulum al-Quran, Fakulti Usuluddin. Ghazzah: Universiti Islam Gaza.
- [3] Abu Zuhrah, Muhammad bin Ahmad (T. th.) *Zahrat al-Tafasir*. T.tp.: Dar al-Fikr al-Arabiyy.
- [4] Ahlam Abdullah Sulaiman Salih. *Surat al-Hayawan Wa al-Tayr Fi al-Qur'an (Dirasah Balaghiyyah)*. Disertasi Ijazah Sarjana Bahasa. 2011/2012. Hlm. 48-95. Kulliyat al-Dirasat al-Ulya. Jami'at al-Najah al-Wataniyyah. Nablus, Palestin.
- [5] Al-Bustiyy, Muhammad Bin Hibban (1414H/1993). *Sahih Ibn Hibban*. Tah. Al-Arna'ut, Shuayb. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.

- [6] Al-Fakhr al-Razi, Muhammad Bin Umar (1420H). *Mafatih al-Ghayb*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy.
- [7] Al-Fayyumiyy, Ibrahim Husayn. *Rawa'i' I'jaz al-Qur'an Fi Qasas al-Tayr Wa al-Hayawan Dirasah Fanniyyah Fi al-Bunyah al-Amiqah*. al-Mu'tamar al-Ilmiyy al-Thalith al-I'jaz Fi al-Qur'an al-Karim. Gaza: Al-Aqsa University. 10-12 Safar 1421H/15-17 Mei 2000M.
- [8] Al-Hakim al-Naysaburiyy, Muhammad Bin Abdullah (1411H/1990). *Al-Mustadrak Ala al-Sahihayn*. Tah. Ata, Mustafa Abdul Qadir. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- [9] Al-Mahalliyy, Muhammad bin Ahmad & al-Suyutiyy, Abd al-Rahman bin Abu Bakr (T.th.). *Tafsir al-Jalalayn*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- [10] Al-Masriyy, Muhammad Abdul Hadi (T.th.). *Awn al-Karim Fi Bayan Maqasid Suwar al-Qur'an al-Karim*. T.tp.: Minbar al-Tawhid Wa al-Jihad.
- [11] Al-Najjar, Zaghoul Raghieb (1427H/2006). *Al-Hayawan fi al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- [12] Al-Qurtubiyy, Muhammad bin Ahmad (1384H/1964). *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*. Tah. Al-Barduniyy, Ahmad & Atfaysh, Ibrahim. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- [13] Al-Sha'rawiyy, Muhammad Mutawalli (1997). *Tafsir al-Sha'rawiyy*. T.tp.: Matabi' Akhbar al-Yawm.
- [14] al-Zamakhshariyy, Mahmud Bin Amr (1407H). *Al-Kashshaf 'An Haqa'iq Ghawamid al-Tanzil Wa 'Uyun al-Aqawil Fi Wujuh al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabiyy.
- [15] Bahagian Hal Ehwal Islam. Jabatan Perdana Menteri. *Tafsir Pimpinan Ar Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Tafsir al-Quran for Windows 95 Versi 1.0.
- [16] Ibn Ashur. Muhammad al-Tahir bin Muhammad (1984). *Al-Tahrir wa al-Tanwir min Ilm al-Tafsir*. Tunisia: al-Dar al-Tunisiyyah li al-Nashr.
- [17] Ibn Kathir, Isma'il bin 'Umar (1420H/1999). *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Tah. Salamah, Sami bin Muhammad. T.tp.: Dar Taybah Li al-Nashr Wa al-Tawzi'.
- [18] Jama'ah Min Ulama' al-Tafsir (1439H). *Al-Mukhtasar Fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Riyadh: Markaz Tafsir Li al-Dirasat al-Qur'aniyyah.
- [19] l-Harariyy, Muhammad al-Amin Bin Abdullah (1421H/2001). *Hada'iq al-Ruh Wa al-Rayhan Fi Rawabiy Ulum al-Qur'an*. Beirut: Dar Tuq al-Najah.

- [20] I-Zuhayliyy, Wahbah Mustafa (1414H). *al-Tafsir al-Munir Fi al-Aqidah Wa al-Shari'ah Wa al-Manhaj*. Damsyiq: Dar al-Fkir al-Mu'asir.
- [21] Mufaddal, Wahid Muhammad. 12hb. April 2014. aljazeera.net. *Thawrat Ilm al-Bayunik.. Ma Bayn al-Asalah Wa al-Tajdid*. Retrieved 15 October 2020 <https://bit.ly/2T3C94A>.
- [22] Muhammad Sya'ban. 12hb. Oktober 2020. aljazeera.net. *Wa Yakhluqu Ma La Ta'lamun..Ajnihat al-Bum Tulhim al-Ulama' Li Sina'at Ta'irat Aqall Dawda'*. <https://bit.ly/2Hcu5fb>.
- [23] Nukhbat Min Ulama al-Tafsir Wa Ulum al-Qur'an (1431H/2010). *Al-Tafsir al-Mawdu'iy Li Suwar al-Qur'an*. Pnyl. Mustafa Muslim. Shariqah: Jami'ah al-Shariqah.
- [24] Pusat Rujukan Bahasa Melayu (n.d). *bionik*. retrieved 15 Oktober 2020 <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=bionik&d=28648&#LIHATSINI>
- [25] Pusat Rujukan Bahasa Melayu (n.d). *ternakan*. retrieved 10 April 2018 <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=ternakan&d=243192&#LIHATSINI>
- [26] Pusat Rujukan Bahasa Melayu (n.d). *الدواب* retrieved 10 April 2018 <https://pointofviewofquran.wordpress.com/2014/07/21/الدواب-الأنعام-الأنعام-بهيمة/>
- [27] Qutb, Sayyid (1423H/2003). *Fi Zilal al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Shururq.
- [28] Radiyah Nasib & Najah Shayi'. *Alfaz al-Hayawan Fi al-Qur'an al-Karim "Dirasah Dalaliyyah"*. Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa dan Kesusasteraan Arab (Ulum al-Lisan). 1437-1438H/2016-2017M. Kulliyat al-Adab Wa al-Lughat. Jami'at al-Shahid Hammah Lakhdar al-Wadiy. Algeria.
- [29] Reda, Muhammad Rashid (1990). *Tafsir al-Qur'an al-Hakim*. T.tp.: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah Li al-Kitab.
- [30] Sahlul, Abduh Muhammad Ali. *Al-Wasaya al-Ashr fi Surat al-An'am Dirasah Mawdu'iyah*. Majallat Jami'at al-Nasir. Al-Nasser University. Vol 4. Julai-Disember 2014. Retrieved from: <http://www.al-edu.com/en/research-archives-2/>.
- [31] Tantawiyy, Muhammad Sayyid (1998). *Al-Tafsir al-Wasit Li al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Dar Nahdah Misr Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzi'.